

UMP tanam 1,000 pokok hijaukan kampus

PEKAN 5 Sept. - Sebanyak 1,000 pokok daripada spesies kelat jambu laut dan ketapang berjaya ditanam oleh 1,000 mahasiswa baharu Universiti Malaysia Pahang (UMP) sempena program khidmat masyarakat myTREEvolution di Laman Cendekia UMP di sini hari ini.

Program tersebut berlangsung serentak di kedua-dua kampus UMP iaitu Pekan dan Gambang sebagai usaha mengurangkan kesan akibat pemanasan global serta menghijaukan kampus.

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UMP, Profesor Dr. Jamil Ismail berkata, penglibatan universiti ini adalah bagi mewujudkan kesedaran alam sekitar, pengetahuan, kemahiran dan kampus hijau dalam kalangan warga.

"MyTREEvolution ini amat bermakna terutamanya dalam mencapai matlamat untuk memulihara alam sekitar melalui aktiviti penanaman pokok.

"Dalam masa sama dapat memperkasakan inisiatif ini dengan menyampaikan mesej mengenai kesedaran pemeliharaan dan pemuliharaan warisan alam semula jadi kepada pelbagai lapisan masyarakat," katanya dalam program itu di sini.

Yang turut hadir, Penolong Pengarah Perhutanan negeri, Nurfaizliza Kamarulbahrin dan Pengarah Jaringan Industri dan Masyarakat, Ir. Dr. Nurul Hazlina Noordin.

Menurutnya, aktiviti itu juga merupakan penyumbang kepada kriteria universiti dalam mendapatkan penarafan UI Green Metric.